

Isteri boleh tuntutan nafkah jika suami abai tanggungjawab

Khutbah Jumaat boleh jadi medan sampaikan nasihat

PEGUAM SYARIE
MENULIS

Oleh Musa Awang

bhnews@bharian.com.my

TANGGUNGJAWAB suami menanggung nafkah isteri adalah disabitkan melalui nas al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah yang bermaksud: *"Dan ke atas bapa yang isteri meahirkan anak baginya hendaklah memberikan nafkah makan minum dan pakaian isterinya itu."* (Surah al-Baqarah, ayat 233)

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya: "Antara dosa ada yang tidak akan diampunkan melainkan dengan bekerja dalam mencari rezeki." (Diriwayatkan oleh Tabrani, Abu Nu'aim dan Al-Khatib)

Dalam hadis lain, diriwayatkan daripada Ibnu Abbas, sabda Rasulullah SAW maksudnya: "Sesiapa yang berpetang-petangan dalam keadaan letih disebabkan oleh kerja yang dilakukan kedua-dua tangannya maka dia berpetang-petangan dalam keadaan diam-

● GAMBAR HIASAN | BERITA HARIAN



SUAMI sebagai ketua keluarga perlu diingatkan tanggungjawab menyediakan keperluan anak dan isteri.

punkun dosanya.” (Diriwayatkan oleh Tabrani)

Seksyen 59 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan kuasa mahkamah memerintah nafkah bagi isteri yang berbunyi: “Tertakluk kepada hukum syarak, mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.”

Jika seorang suami cuai memberikan nafkah isteri, tidak semestinya isteri memohon cerai. Isteri boleh memfailkan tuntutan nafkah isteri di Mahkamah Rendah Syariah tempat di mana beliau tinggal. Suami akan dipanggil hadir ke mahkamah menyatakan pendiriannya berhubung tuntutan itu.

Seksyen 61, akta yang sama menyatakan, jika suami tidak bersetuju, maka mahkamah akan membicarakan tuntutan itu dan memutuskan kadar nafkah isteri yang sewajarnya berdasarkan kepada keperluan isteri, berbanding pendapatan si suami.

Sementara itu, mengikut seksyen 62, mahkamah juga boleh memerintahkan suami supaya memberi jaminan untuk membayar nafkah isteri dengan meletak harta milik suami kepada seorang pemegang amanah, dengan jaminan supaya nafkah isteri itu dibayar daripada pendapatan harta itu.

Dalam tempoh tuntutan nafkah isteri dibicarakan, isteri juga boleh memohon nafkah sementara daripada pihak suami. Seksyen 70 (1) memperuntukkan: “Jika mahkamah berpuas hati bahawa terdapat alasan untuk membayar nafkah, mahkamah

PETIKAN AL-QURAN



Dan ke atas bapa yang isteri melahirkan anak baginya - hendaklah memberikan nafkah makan minum dan pakaian isterinya itu

Surah al-Baqarah
Ayat 233

boleh membuat suatu perintah terhadap suami bagi membayar nafkah sementara yang akan berkuat kuasa dengan serta-merta dan terus berkuat kuasa sehingga perintah mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah.”

Seksyen 197 dan Seksyen 202 (1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1998 memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk memberikan perintah interim nafkah isteri.

Perintah sementara yang dikeluarkan itu hendaklah berkuat kuasa serta-merta dan terus berkuat kuasa sehingga mahkamah membuat keputusan nafkah kekal isteri.

Kewajipan seorang suami menanggung nafkah isteri adalah kewajipan yang mengandungi nilai dan roh agama. Menunaikannya akan diberikan ganjaran pahala dan syurga, manakala mengabaikannya bakal menerima balasan dosa.

Kegagalan menunaikan nafkah isteri akan memberi impak sosial

yang negatif dalam masyarakat. Suami akan dipandang hina oleh masyarakat kerana tidak bertanggungjawab. Isteri terpaksa meminta-minta, turun naik mahkamah menuntut haknya, masuk surat khabar dan televisyen.

Anak akan merasa rendah diri, benci kepada bapa mereka, yang juga boleh memberi kesan buruk terhadap pelajaran serta perkembangan hidup. Lebih teruk, ada anak yang terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja mencari rezeki bagi membantu ibunya.

Isteri terpaksa berhempas pulas mencari rezeki sepanjang hari tanpa mengira siang atau malam menyebabkan perhatian dan bimbingan terhadap anak terganggu. Lebih malang, isteri atau anak terbabit kegiatan jenayah seperti menjual dadah untuk mencari sumber pendapatan menyara diri sendiri.

Suami sebagai ketua keluarga perlu diingatkan sepanjang masa tanggungjawab nafkah ini. Walaupun mereka mungkin berjaya mengelakkan diri atau menanggungkan tempoh memberi nafkah isteri dengan menyalahgunakan proses mahkamah, tetapi mereka tidak dapat mengelakkan atau menangguhkan hukuman di mahkamah Allah di akhirat kelak.

Cara paling sesuai untuk mengingatkan suami adalah semasa khutbah Jumaat kerana yang hadir bersembahyang Jumaat adalah suami atau lelaki yang bakal menjadi suami.